

Lebih 5,000 mahasiswa UMS terima konvokesyen bermula 18 November ini

NST 20.10.17 3

KOTA KINABALU: Seramai 5,305 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menyarung jubah konvokesyen pada Istiadat Konvokesyen Kali Ke-19 bermula 18 hingga 20 November ini.

Naib Canselornya, Datuk Prof Dr D Kamarudin D Mudin berkata, Yang Dipertua Negeri yang juga Canselor UMS, Tun Dr Juhar Datuk Mahiruddin akan menganugerahkan skrol kepada seramai 799 graduan pada sidang pertama.

“Kita ada graduan dari pelbagai peringkat yang akan menerima penganugerahan masing-masing iaitu dari peringkat diploma sehinggalah ijazah kedoktoran (PhD).

“Pada kali turut melibatkan graduan dari luar negara iaitu seramai 113 orang daripada jumlah keseluruhan tersebut,” jelasnya.

Beliau ditemui media selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Tun Juhar di Istana Negeri, pagi tadi.

Beliau turut memberitahu kunjungan berkenaan bertujuan memberi taklimat ringkas kepada Tun Juhar mengenai proses sepanjang majlis istiadat konvokesyen tahun ini.

Beliau berharap agar proses majlis istiadat konvokesyen dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Katanya, UMS juga menyediakan segala fasiliti bagi memudahkan semua graduan dan keluarga sempena konvokesyen tersebut.

“Justeru, orang ramai dijemput hadir beramai-ramai, melihat sendiri kemeriahan temasya Tamu Gadang yang bermula pada 15 November,” ujar beliau.



TAKLIMAT... Kamarudin (kiri) memberi taklimat ringkas kepada Tun Juhar (kanan).